

**NO. SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[PENAMPANG]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10296**

**SOALAN :**

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kandungan, yang dianggap sebagai memudaratkan kepentingan negara serta keselamatan Persekutuan, dalam buku karya Benard Sta Maria yang bertajuk "The Golden Son of the Kadazan" dan adakah Kerajaan akan menarik balik keputusan perintah larangan terhadap buku tersebut mengambil kira bahawa buku tersebut telah dilancarkan oleh pihak Ketua Menteri Sabah pada tahun 1978 (saya difahamkan) dan juga kerana buku tersebut senang dimuat-turun melalui portal-portal dalam Internet dan sudah tentu dibaca oleh ramai warga Sabah.

63

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Penerbitan bertajuk "*The Golden Son of the Kadazan*" karya Bernard Sta Maria telah dikenakan tindakan Perintah Larangan di bawah Perintah Keselamatan Dalam Negeri (Tegahan Mengenai Penerbitan) mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Tindakan pewartaan ini telah dibuat pada 22 Jun 1978 kerana mengandungi kritikan dan tuduhan terhadap Kerajaan Persekutuan antaranya membuat keputusan tertentu secara sewenang-wenangnya dalam hal ehwal di Sabah dan tidak mengikut perlembagaan serta perjanjian semasa penubuhan Malaysia. Ia termasuk penggunaan undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri, pemberhentian Tun Fuad Stephens sebagai Ketua Menteri Sabah, perpisahan Singapura dari Malaysia dan isu hubungan perpaduan serta integrasi nasional Sabah/Semenanjung Malaysia.

Penerbitan ini juga cenderung ke arah mencetuskan perbalahan di kalangan rakyat Malaysia terutamanya di kalangan penganut agama Kristian dan Islam. Kementerian tidak bercadang untuk menarik balik keputusan Perintah Larangan terhadap penerbitan buku tersebut kerana ia boleh memudaratkan kepentingan dan keselamatan negara.